

13/11/1999

Pemilihan teks sastra muktamad

Abdul Jalil Ishak

PEMILIHAN teks sastra bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diumumkan Kementerian Pendidikan dikatakan sebagai muktamad selepas pelbagai pandangan daripada pelbagai pihak diambil kira. Keputusan pemilihan itu menimbulkan kontroversi dan sekali gus menjadi bahan polemik berpanjangan, membabitkan ramai sasterawan dan budayawan tempatan.

Sumber jawatankuasa panel ketika ditemui, di suatu polemik sastra di ibu kota, baru-baru ini menafikan sekeras-kerasnya bahawa pemilihan teks yang dibuat mempunyai unsur kronisme. Menurutnya, keputusan yang diambil adalah berasaskan prosedur pemilihan yang dilaksanakan menurut pertimbangan saksama panel pemilihan yang bersidang selama kira-kira lima bulan sebelum keputusan dicapai.

Beliau yang enggan namanya disiarkan, berkata sememangnya menjadi kelaziman dunia, dalam mana-mana pemilihan atau pertandingan, ada golongan yang tidak berpuas hati.

"Ternyata bahawa kekeliruan yang ditimbulkan pihak tertentu disebabkan tidak ada penyelidikan menyeluruh dilakukan sebelum membuat tuduhan liar. Justeru, saya berasa terpenggil bagi menyatakan keadaan sebenar mengenai prosedur pemilihan itu.

"Panel yang menduduki dalam pemilihan teks sastra itu bukan calang-calang orang. Boleh dikatakan kesemua ahli panel itu mempunyai kepakaran tertentu dalam bidang masing-masing.

"Memang tidak dinafikan, ada seorang dua yang namanya jarang-jarang didengar, namun dari segi kepakaran, kita tidak boleh memperkecilkan. Ini martabat individu.

Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah pemilihan itu dibuat berasaskan prosedur yang ditetapkan Kementerian Pendidikan. Turut menganggotai panel itu ialah orang sastra sendiri daripada Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dan golongan pendidik yang kerjanya sememangnya menumpukan pada bidang pedagogi, yakni ilmu pengajaran.

"Apakah kita mahu memperkecil orang Gapena dan sasterawan lain yang menganggotai panel pemilihan itu? Atau adakah golongan lain yang lebih autoritatif dari segi pedagogi, selain daripada pendidik, yang dapat memberikan pandangan lebih universal dari segi penyampaian ilmu?

"Golongan pendidik diamanahkan Kementerian Pendidikan agar melaksanakan Falsafah Pendidikan Negara, sekali gus menyampaikan ilmu berteraskan iltizam mulia dan jati diri dengan menerapkan unsur-unsur murni.

"Pandangan guru menjadi kayu ukur dalam pemilihan teks ini. Biarpun ada karya yang bermutu dari sudut kesusasteraan dan kebahasaan, namun apabila diukur dari sudut pedagogi, karya tersebut terpaksa dipinggirkan," katanya.

Beliau berkata, selain aspek pedagogi, banyak pertimbangan lain perlu diambil kira dalam menentukan karya yang layak dipertimbangkan. Antara faktor yang turut diambil kira ialah unsur patriotisme.

Ini kerana teks sastra, sebagai wahana masyarakat harus mampu meletakkan penghayatan kecintaan terhadap negara pada tempat yang betul, menerusi huraian bahasa yang mudah difahami para pelajar.

Dari segi psikologi pembaca pula, gaya penulisan dan persembahan buku yang dicadangkan harus sesuai mengikut peringkat umur. Manakala latar belakang cerita seboleh yang dapat mencerminkan masyarakat Malaysia bersatu padu dan bertoleransi sesama kaum.

"Bukan senang anggota panel hendak membuat keputusan dalam pemilihan ini. Malah, membabitkan perbincangan yang panjang bagi memastikan keputusan yang diambil benar-benar profesional.

"Memang benar dalam panel pemilihan itu, terdapat beberapa karyawan yang turut mengemukakan karya mereka untuk dipertandingkan. Namun, apabila perbincangan mengenai karya mereka dijalankan, anggota terbabit diarah keluar dari bilik mesyuarat agar proses perbincangan dapat dijalankan secara saksama," tegasnya.

Beliau yang merupakan anggota panel paling kanan berkata dari segi teknikal, pemilihan teks tersebut sudah menjalani proses pemilihan yang betul, tepat dan tidak ada sebarang unsur monopoli atau kronisme berlaku.

"Kalau pihak panel pemilihan hendak dipersalahkan, mungkin dari segi meletakkan anggota panel yang karyanya turut dipertandingkan. Ini mungkin sesuatu yang di luar dugaan. Tapi, siapa tahu, karya siapa yang bakal dipertandingkan.

"Mungkin karyawan terbabit mengetahuinya. Dari segi etikanya, karyawan terbabit sepatutnya menarik diri daripada menjadi anggota panel. Namun, tidaklah menjadi kesalahan, jika dia menganggotai panel pemilihan, cuma barangkali tidak sedaplah sikit," katanya.

Beliau menegaskan setiap anggota panel pemilihan sudah menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi mengikut kriteria ditetapkan. Antara pertimbangan yang diberi tumpuan termasuk nilai keindahan karya itu, yakni dari segi sasteranya, unsur pedagogi, nilai murni, unsur patriotisme dan unsur pensejagatan.

"Namun, landasan paling kukuh yang diberi keutamaan ialah sudut pandangan karya yang boleh membawa ke arah pewujudan satu masyarakat Malaysia bersatu padu, harmoni dan berbangga sebagai anak watan Malaysia daripada pelbagai bangsa, adat resam, kebudayaan dan agama ini.

"Falsafah Pendidikan Negara berhasrat menelurkan generasi pelajar seimbang dari segi rohani, jasmani, intelek dan emosi. Unsur ini sentiasa diperhatikan dalam menentukan karya mana yang bakal dicadangkan kepada kerajaan. Kami sekadar mencadangkan karya tertentu. Pihak Kementerian Pendidikan mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menerima atau menolak sesuatu karya dicadangkan itu.

"Justeru, kriteria yang ditetapkan agak banyak dan canggih, bukan sedikit karya penulis ternama ditolak kerana tidak memenuhi syarat ditetapkan. Wajarkah karyawan terbabit melenting kerana karyanya di kesampingkan?

"Kita sememangnya tidak menolak hujah yang mengatakan ada sesetengah karya dipilih ditulis karyawan tidak terkenal dan belum matang untuk dimartabatkan karya mereka. Soal kematangan dari segi penulisan tidak timbul. Yang penting bagi kita ialah apakah hasil karya ditulis memenuhi syarat ditetapkan," katanya.

Apa pun pendapat beliau, adalah dirasakan perlu bagi Kementerian Pendidikan membuat bedah siasat secara lebih terperinci. Dengan ini, Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah pisang berbuah dua kali.

Dulu pun, dalam pemilihan teks KBSM dan KBSR, banyak kekecohan berlaku. Banyak syarikat Bumiputera yang baru nak hidup cuba terjun dalam bidang percetakan untuk menerbitkan buku teks. Mereka sanggup melabur ratusan ribu ringgit sebagai modal. Ramai yang terpinggir dan akibatnya, banyak syarikat gulung tikar. Adakah pemilihan teks ketika itu turut membabitkan kronisme? Atau ada hal lain yang sukar disebutkan melalui akhbar? Siapa tahu?

Terdapat juga keluarbiasaan yang menjadi kesangsian penerbit dan penulis pelbagai mata pelajaran. Ada yang mengusulkan agar pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) dipanggil bagi menyiasat salah laku yang dikatakan berlaku secara terbuka. Namun, akhirnya, apa juga yang diputuskan jemaah pemilihan

tetap muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

Rasa-rasanya, ada baiknya, Kementerian Pendidikan mewar-warkan hasrat pemilihan buku teks sastera ini kepada seluruh rakyat Malaysia. Biar ramai yang mengambil bahagian - karyawan mapan dan karyawan yang masih berhingus. Penulis dari kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Pokoknya, pihak jawatankuasa pemilihan harus membuat pemilihan secara rapi dan saksama. Tiada unsur kronisme. Tiada unsur pilih kasih.

Bagaimanapun, yang penting karya yang dipilih harus mampu membawa idea pembangunan sejagat, merentasi kerancakan pembangunan negara di samping mempertahankan nilai estetika dari sudut kewarganegaraan menurut acuan Malaysia, dan ketatasusilaan berteraskan prinsip Rukun Negara.

Soalnya, dapatkah kita menatap sebuah karya sastera yang benar-benar dapat meningkatkan martabat negara di mata dunia di samping mendokong cita-cita negara ke arah merealisasikan ilham Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir yang mahu menjadikan negara ini sebuah negara industri termaju lagi disegani seluruh masyarakat dunia?

(END)